

# Bekas pegawai kanan DBKL dipenjarakan 4 tahun, denda RM1j

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Tinggi di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara empat tahun dan denda RM1 juta terhadap bekas Timbalan Pengarah Kanan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Sabudin Mohd Salleh, selepas didapati bersalah atas dua tuduhan menerima rasuah RM200,000.

Hakim K Muniandy, memutuskan hukuman penjara empat tahun bagi setiap tuduhan yang berjalan serentak bermula semalam dan denda RM1 juta bagi kedua-dua tuduhan atau dipenjarakan empat tahun, jika gagal membayar denda.

Bagaimanapun, mahkamah membenarkan permohonan peguam, K Theivaendran mewakili Sabudin, 60, untuk menangguhkan hukuman berkenaan sementara menunggu proses rayuan akhir di Mahkamah Rayuan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Wan Shahrudin Wan Ladin memohon supaya Sabudin dipenjarakan antara lima hingga 10 tahun dan didenda

RM1 juta.

“Ta mengambil kira faktor kepentingan awam, selain kesalahan itu serius kerana melibatkan kes rasuah,” katanya.

## Mohon dipenjarakan sehari

Bagaimanapun, seorang lagi peguam bela Sabudin, Y Sheelan Samuagam, memohon supaya anak guam dipenjarakan sehari atas alasan menghidap osteoarthritis atau sakit sendi lutut, selain menjalani beberapa pembedahan besar.

“Anak guam saya tidak dapat berdiri atau berjalan dengan baik dan memerlukan bantuan kerusi roda. Selepas kaki kiri dibedah pada Januari lalu, keadaannya tidak stabil.

“Dia perlu kerap mendapatkan rawatan susulan di hospital,” katanya.

Pada 27 Julai lalu, Mahkamah Tinggi mendapati Sabudin bersalah atas tuduhan terbabit selepas membenarkan rayuan pendakwaan terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen, Rozi-

na Ayob, yang didapati membuat kesilapan dan tersalah arah apabila membebaskan tertuduh pada akhir kes pembelaan.

Pada 2 Jun lalu, pendakwaan menegaskan Mahkamah Sesyen keliru dengan dua tuduhan memperoleh suapan berjumlah RM200,000 bagi mengeluarkan permit kerja yang dihadapi Sabudin.

Wan Shahrudin dilaporkan berkata, hakim terbabit menyalahkan pendakwaan kerana gagal menunjukkan ada keperluan bagi Sabudin meminta rasuah daripada saksi utama pendakwaan, Wong May Kuan, iaitu subkontraktor kepada syarikat Dusari Niaga.

Theivaendran pula dipetik berkata, Mahkamah Sesyen membuat dapatan yang betul ketika membebaskan anak guamnya berdasarkan keterangan dikemukakan oleh saksi.

Pada 15 September 2022, Sabudin menitiskan air mata selepas kali kedua dilepas dan dibebaskan Mahkamah Sesyen de-



Sabudin tiba di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

ripada dua pertuduhan memperoleh suapan RM200,000 bagi mengeluarkan permit kerja.

Keputusan itu dibuat Rozina selepas mendapati pihak pembelaan berjaya mematahkan dan menyangkal kes pendakwaan de-

ngan memberi penjelasan jujur.

Pada 4 Julai tahun lalu, pihak pembelaan menutup kes selepas memanggil lima saksi termasuk Sabudin untuk memberi keterangan pada prosiding bermula 12 Mei tahun sama.